

## **Kerjasama AMP-SMU anjur bengkel celik wang bagi belia**

9 Sep 2014

ATIYYAH MOHD SAID

ANGKATAN Karyawan Islam (AMP) bekerjasama dengan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) untuk mengendalikan satu program celik kewangan untuk sekitar 30 belia.

Program itu menyusuli dapatan terkini Pusat Penasihat Hutang (DAC) AMP bahawa hamper suku pelanggan yang mendapat bantuan di pusat itu adalah mereka yang berumur antara 20 dengan 35 tahun.

Sebahagian besar daripada mereka berhutang kerana masalah pengurusan kewangan lemah dan pilihan gaya hidup sementara nilai purata hutang yang dimiliki seseorang ialah \$23,000.

Ini sekaligus mencerminkan peripentingnya memupuk pengetahuan kewangan pada usia yang muda, kata AMP dalam satu kenyataannya.

Program perintis 10 sesi yang dilancarkan Julai lalu itu menjalankan sesi kelima semalam dan dihadiri peserta di bawah Skim Keluargadan BeliaAngkat (AFYS), DAC dan Program Memperkasakan Belia (YEP) AMP.

Menurut kenyataan AMP, program selama enam bulan itu berdasarkan program celik kewangan Citi-SMU untuk belia dan bertujuan melengkapkan mereka dengan pengetahuan kewangan penting bagi member mereka asas kukuh dalam menguruskan wang.

"Memandangkan ramai belia itu daripada keluarga bergaji rendah, program itu juga bertujuan membantu mereka memahami isu kewangan yang dihadapi ibu bapa mereka di samping mengamalkan tabiat kewangan yang baik pada peringkat awal dalam kehidupan mereka," ujar AMP.

Setiap sesi bengkel meliputi pelbagai kemahiran kewangan peribadi seperti simpanan, membuat bajet, menetap kansasaran dan memahami konsep kadar faedah serta kesan berjudi.

Antara yang menyertainya ialah Encik Muhd Muttaqin Khairudin, 21 tahun. Beliau yang juga mentor pelajar berusia 12 hingga 14 tahun di bawah YEP itu mendapati banyak asas pengurusan kewangan yang dipelajarinya.

"Pada peringkat peribadi, saya menimba banyak pengetahuan tentang bagaimana membezakan keperluan dan kemahuan saya. Yang paling menarik, saya juga belajar bagaimana menguruskan harta menerusi pelaburan yang betul.

"Selain itu, banyak ilmu kewangan yang saya dapat kongsi bersama pelajar yang dibimbing. Ini khususnya dalam aspek menabung dan mempunyai bajet sendiri, kerana saya sedar ramai antara mereka ini tidak tahu langsung tentang hal ini sedangkan pada usia itu, mereka seharusnya sudah mengamalkannya," kata lulusan Politeknik Temasek itu.

DAC, yang ditubuhkan pada April tahun lalu membantu mereka yang mempunyai masalah hutang dengan menyediakan nasihat dan pendidikan.